

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : PENGAMBILAN PENJAWAT KONTRAK**

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berikutan pengiktirafan sijil UEC oleh kerajaan Selangor, pengambilan penjawat awam masih tertakluk kepada garis panduan JPA. Walau bagaimanapun, adakah pihak PBT atau kerajaan negeri di benarkan mengambil pemohon pemegang sijil UEC sebagai penjawat kontrak?

**JAWAPAN:**

- a) Buat masa ini, pengambilan penjawat awam sama ada bagi lantikan tetap atau kontrak oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masih lagi tertakluk kepada pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016, Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Awam Persekutuan di Bawah Sistem Saraan Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan berkuatkuasa mulai 1 Julai 2016 dan telah diluluskan pemakaian oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke-18/2016 pada 1 Jun 2016 dan telah disahkan oleh MMKN Ke-19/2016 pada 8 Jun 2016.

Bagi sektor pendidikan tinggi, Universiti Selangor (UNISEL) sebagai salah satu institut pendidikan tinggi di bawah Kerajaan Negeri Selangor telah mengiktiraf Sijil UEC bagi tujuan untuk menyambung pengajian di UNISEL.

Tambahan lagi, bagi pelantikan ke perkhidmatan awam, seseorang calon/pemohon perlu memenuhi syarat lantikan yang ditetapkan di dalam pekeliling tersebut serta memiliki kelayakan yang diiktiraf oleh Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (e-sisraf).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : PENDAFTARAN MARRIS BAGI JALAN PERTANIAN**

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sehingga akhir 2017, berapakah jumlah keseluruhan panjang jalan yang berjaya didaftarkan di bawah MARRIS?
- b) Nyatakan jumlah panjang jalan pertanian bagi kategori kawasan pekebun kecil mengikut daerah.
- c) Apakah pendekatan dan usaha kerajaan bagi membantu membaiki kerosakan jalan-jalan di kawasan pertanian?

**JAWAPAN:**

- a) Sehingga akhir 2017, jumlah keseluruhan panjang jalan yang berjaya didaftarkan di bawah sistem MARRIS Online adalah sepanjang 1,369.06km.
- b) Jumlah panjang jalan pertanian yang di daftarkan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| <b>DAERAH</b>  | <b>PANJANG JALAN (KM)</b> |
|----------------|---------------------------|
| KLANG          | 2.760                     |
| KUALA LANGAT   | 17.534                    |
| KUALA SELANGOR | 501.516                   |
| SABAK BERNAM   | 481.166                   |
| HULU LANGAT    | 101.300                   |
| HULU SELANGOR  | 67.400                    |
| GOMBAK         | 9.600                     |
| SEPANG         | 187.790                   |
| <b>JUMLAH</b>  | <b>1,369.06</b>           |

- c) Pendekatan dan usaha Kerajaan bagi membantu membaiki kerosakan jalan-jalan di kawasan pertanian adalah dengan menubuhkan Jawatankuasa Khas Task Force Peruntukan MARRIS bagi membincangkan keperluan baikpulih jalan pertanian jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Pertanian dan Jabatan Veterinar. Hasil daripada mesyuarat yang telah diadakan, jabatan-jabatan berkenaan telah menghantar senarai jalan pertanian yang perlu dibaikpulih sepanjang 68km bagi fasa pertama dan telah didaftarkan ke dalam sistem MARRIS Online.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PENYELESAIAN BERSEPADU PEMBANGUNAN TANAH DI IJOK**

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah punca kegagalan syarikat usaha sama yang dilantik untuk memajukan tanah tersebut?
- b) Kenapakah Kerajaan memutuskan untuk menarik balik kes ini dimahkamah dan membuat penyelesaian di luar mahkamah?

**JAWAPAN:**

**Soalan ini DITOLAK kerana kes dirujuk ke mahkamah.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : RUMAH SELANGORKU JENIS B**

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan lokasi dan jumlah unit Rumah Selangorku jenis 'B' yang telah siap dibina.
- b) Nyatakan jumlah pemohon rumah jenis 'B' dan jumlah yang telah diluluskan.

**JAWAPAN:**

- a) Sebanyak **20** unit Rumah Selangorku (RSKU) jenis B yang **telah siap dibina** dan **telah diserahkan kunci** pada 20 November 2017. Perincian adalah seperti berikut :-

| <b>Bil.</b> | <b>PBT</b> | <b>Nama Projek</b>  | <b>Lokasi Projek</b>  | <b>Bilangan Unit</b> | <b>Tahun Siap Dibina</b> |
|-------------|------------|---|---|----------------------|--------------------------|
| 1.          | MBSA       | Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) & Debbin Sdn. Bhd. | Sebahagian Lot 8093, Persiaran Seri Wangi, Desa Alam Seksyen U12, Shah Alam, Daerah Petaling. | 20<br>(Jenis B)      | 20 Nov 2017              |

Sebanyak **1,406** unit Rumah Selangorku (RSKU) jenis B yang **bakal disiapkan pada tahun 2018** adalah seperti berikut :-

| <b>Bil.</b>   | <b>PBT</b> | <b>Nama Projek</b>                             | <b>Lokasi Projek</b>   | <b>Bilangan Unit</b> | <b>Tahun Siap Dibina</b> |
|---------------|------------|--|--|----------------------|--------------------------|
| 1.            | MPKj       | Eco Majestic Sdn. Bhd. (Eco World Dev. Berhad) | Di Atas Lot PT15780, PT15781, PT15782, PT15783, PT15784 & PT15785, Eco Majestic, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. | 870<br>(Jenis B)     | 2018                     |
| 2.            | MPKj       | Jade Homes Sdn. Bhd. (Gamuda Land Berhad)      | Di Atas Lot PT 71607, PT 71608 Dan PT 71609, Jade Hills, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.<br><br>Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.       | 72<br>(Jenis B)      | 2018                     |
| 3.            | MPSJ       | Hillcrest Gardens Sdn. Bhd.                    | GRN 57646 Lot 1333 Di Taman Puchong Utama, Pekan Puchong perdana, Mukim Petaling, Daerah Petaling.   | 464<br>(Jenis B)     | 2018                     |
| <b>JUMLAH</b> |            |  |  | 1,406<br>(Jenis B)   |                          |

- b) Jumlah permohonan Jenis B dalam senarai menunggu untuk ditawarkan seramai 3,904 pemohon.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**


**TAJUK : PEMBAIKAN DAN PENYELENGGARAAN KAWASAN MASJID ATAU  
SURAU**

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prosidur untuk permohonan geran untuk pembaikan atau penyelenggaraan kawasan Masjid atau Surau?
- b) Berapakah lama tempoh masa diperlukan untuk memproses suatu permohonan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Prosedur untuk permohonan geran untuk pembaikan atau penyelenggaraan kawasan Masjid atau Surau adalah seperti berikut:



- b) Tempoh memproses keputusan permohonan tersebut ialah selama sebulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : KEJAYAAN ISU LIF PANGSAPURI DI SELANGOR**

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan setakat mana kejayaan mengurus isu lif rosak di Selangor. Perincikan jumlah dan nilai lif tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM30 juta untuk mengurus isu lif rosak di Selangor di bawah program SMART LIFE (*Smart Lift Improvement For Quality Life*) seperti berikut:

| <b>JENIS BANTUAN</b>   | <b>JUMLAH KAWASAN</b> | <b>JUMLAH UNIT LIF</b> | <b>NILAI BANTUAN (RM)</b> |
|--|-----------------------|------------------------|---------------------------|
| Membaik pulih lif secara modernisasi termasuk kos penyenggaraan lif selama setahun dan pemasangan CCTV pada lif.   | 24                    | 123                    | 29,299,756.36             |
| Memberi bantuan kewangan kepada Badan Pengurusan Bersama/Perbadanan Pengurusan untuk membayar fi firma kompeten lif bagi kerja-kerja penyenggaraan lif pada setiap bulan (hanya kontrak penyenggaraan komprehensif sahaja) | 23                    | 92                     | 700,243.64                |
| <b>JUMLAH</b>  | <b>47</b>             | <b>215</b>             | <b>30,000,000.00</b>      |



Kesinambungan pada tahun 2018, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM 13 juta untuk meneruskan program SMART LIFE seperti berikut:

| <b>JENIS BANTUAN</b>   | <b>NILAI BANTUAN (RM)</b> |
|--|---------------------------|
| Membaik pulih lif secara modernisasi termasuk kos penyenggaraan lif selama setahun dan pemasangan CCTV pada lif.   | 12,000,000.00             |
| Memberi bantuan kewangan kepada Badan Pengurusan Bersama/Perbadanan Pengurusan untuk membayar fi firma kompeten lif bagi kerja-kerja penyenggaraan lif pada setiap bulan (hanya kontrak penyenggaraan komprehensif sahaja) | 1,000,000.00              |
| <b>JUMLAH</b>  | <b>13,000,000.00</b>      |

Oleh itu, dijangka tambahan 10 kawasan melibatkan 46 unit lif akan mendapat faedah daripada program SMART LIFE ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH DI KAWASAN KAMPUNG**

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Tempat pelupusan sampah (*landfill*) akan berkurangan dan juga menimbulkan masalah kesihatan. Apakah rancangan panjang Negeri Selangor untuk mengatasi masalah ini?
- b) Adakah Negeri Selangor akan menggunakan teknologi terkini untuk melupuskan dan menguruskan masalah sampah?

**JAWAPAN:**

(a) dan (b) dijawab bersekali,

Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 16/2016 yang diadakan pada 11 Mei 2016 dan disahkan oleh MMKN Ke 17/2016 pada 18 Mei 2016 telah menimbang dan bersetuju supaya anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Worldwide Holdings Berhad (WHB) menerajui usaha untuk membangunkan dan melaksanakan *Integrated Solid Waste Management Centre (ISWMC)* bersebelahan dengan Tapak Pelupusan Sanitari Jeram (TPSJ) Kuala Selangor.

Terkini, dalam usaha untuk mempercepatkan pelaksanaan projek ISWMC, MMKN Ke 39/2017 yang diadakan pada 6 Disember 2017 dan disahkan oleh MMKN Ke 40/2017 pada 13 Disember 2017 telah bersetuju meluluskan cadangan pembinaan *Loji Waste To Energy (WTE) 1* (yang merupakan Fasa 1 daripada keseluruhan sistem ISWMC) di atas sebahagian tanah seluar 25 ekar di Tapak Pelupusan Sanitari Jeram (TPSJ) 2, Kuala Selangor.

Untuk makluman, ISWM adalah satu sistem pelupusan dan rawatan sisa pepejal yang menyeluruh merangkumi fasiliti atau kemudahan seperti berikut:

1. Loji *Waste to Energy* (WTE);
2. Loji Kitar Semula;
3. Loji Pencernaan Anerobik (AD);
4. Loji Kompos;
5. Loji Kitar Semula Sisa Binaan; dan
6. Pusat Penyelidikan & Pembangunan

WTE ini adalah teknologi yang terkini di mana sisa pepejal yang di proses bukan hanya dilupuskan, tetapi juga akan menjadi sumber kepada tenaga elektrik, penghasilan baja, kutipan barangan kitar semula dan lain-lain yang dapat menambah nilai kepada aktiviti ekonomi Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : LIPUTAN WIFI**

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah kerajaan negeri untuk meningkatkan keupayaan liputan wifi dikawasan luar bandar yang masih lemah liputannya pada masa ini?
- b) jika ada, nyatakan lokasi pelaksanaannya dalam kawasan luar bandar mengikut daerah-daerah.

**JAWAPAN:**

- a) Projek pemasangan kemudahan WiFi Percuma untuk kegunaan awam ini melibatkan kerjasama dari pihak pembekal iaitu Telekom Malaysia Berhad ("TM") memandangkan TM mempunyai rangkaian teras ("*core backhaul*") dan jalur lebar berkelajuan tinggi yang luas dan terbesar di Malaysia. Walaupun TM telah banyak memberi kerjasama untuk melebarkan liputan WiFi di beberapa kawasan luar bandar, peningkatan liputan tersebut masih tidak dapat memenuhi kehendak pihak Kerajaan Negeri untuk meluaskan perkhidmatan WiFi Smart Selangor ke seluruh Negeri Selangor, terutamanya kawasan-kawasan luar bandar kerana rangkaian teras / *backhaul* TM tidak sampai ke kawasan-kawasan ini. Dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan liputan WiFi di kawasan luar bandar, pihak Kerajaan Negeri sedang melaksanakan satu kajian untuk mengenalpasti penyelesaian untuk membina infrastruktur digital khususnya rangkaian data melalui projek *Selangor Wide Area Network* (SWAN) yang merupakan salah satu inisiatif Smart Selangor di bawah domain *Smart Digital Infrastructure*. SWAN bertujuan untuk menyambungkan semua agensi-agensi kerajaan Negeri Selangor, pejabat daerah dan tanah dan PBT dengan rangkaian data dan internet berkelajuan tinggi termasuk menggunakan fibre dan seterusnya melebarkan kemudahan internet dan jalur lebar tersebut ke kawasan-kawasan persekitaran.
- b) Memandangkan usaha di atas masih dalam peringkat kajian, lokasi pelaksanaan akan dikenal pasti kelak. Walaubagaimanapun berdasarkan liputan hotspot WiFi Smart Selangor, daerah yang akan diberi keutamaan untuk dipertingkatkan liputan WiFi adalah daerah Hulu Selangor, Kuala Langat, Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : MASALAH KEROSAKAN JALAN PERSEKUTUAN 5**

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan segmen-segmen jalan Persekutuan 5 yang dikategori sebagai kritikal.
- b) Apakah punca utama yang menyebabkan kerja-kerja penyelenggaraan gagal dilaksanakan walaupun permukaan jalan begitu kritikal?
- c) Sila perjelaskan apakah wujud unsur-unsur sabotaj dari JKR Persekutuan untuk menimbulkan kemarahan terhadap KNS.

**JAWAPAN:**

- a) Berikut adalah segmen-segmen Jalan Persekutuan 5 (FT005) yang dikategorikan sebagai kritikal:
  - i. Jalan Klang – Teluk Intan
  - ii. Jalan Klang - Sepang
  - iii. Jalan Sepang – Kuala Langat

Manakala bagi Jalan Kuala Selangor - Teluk Intan melalui Sabak Bernam adalah di bawah Projek Naiktaraf Jalan iaitu Seksyen 449.0 sehingga Seksyen 544.00 (Fasa 2) dan Seksyen 544.00 sehingga Seksyen 549.00 (Fasa 3) iaitu sebahagian daripada West Coast Expressway (WCE).

- b) Punca utama yang menyebabkan kerja-kerja penyelenggaraan gagal dilaksanakan walaupun permukaan jalan begitu kritikal adalah kerana laluan tersebut mengalami peningkatan kadar trafik yang tinggi terutamanya dilalui oleh kenderaan-kenderaan berat yang menyebabkan struktur jalan tersebut mengalami kerosakan teruk. Kos pembaikan yang diterima daripada pihak Kementerian Kerja Raya telah pun digunakan secara menyeluruh bagi kerja-kerja pembaikan jalan. Pada tahun 2018, iaitu sehingga 12 Mac 2018, peruntukan berjumlah

RM6,090,000.00 telah diterima untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan sedia untuk dilaksanakan.

Berikut adalah peruntukan yang dipohon dan peruntukan yang telah diperolehi oleh JKR Selangor untuk Laluan FT005 pada tahun 2017 dimana peratus perbelanjaan adalah 100% daripada peruntukan yang diperolehi:

| Peruntukan yang Dipohon<br>Tahun 2017 | Peruntukan Yang Diperolehi<br>Tahun 2017 |
|---------------------------------------|--|
| <b>RM 23,644,210.34</b>               | <b>RM16,945,000.00</b>                   |

- c) Pihak Jabatan Kerja Raya telah melaksanakan kerja seperti mana peruntukan yang diturunkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PROGRAM PEMBINAAN RUMAH PPRT DI ATAS TANAH PERSENDIRIAN**

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah permohonan yang Pejabat Daerah Tanah telah terima bagi penduduk Paya Jaras?
- b) Apakah status permohonan tersebut?

**JAWAPAN:**

Soalan (a) dan (b) dijawab bersekali

Untuk makluman Yang Berhormat, tidak terdapat program pembinaan rumah PPRT di atas tanah persendirian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : KEPIMPINAN WANITA**

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha/program Pembangunan Kapasiti (capacity building) Kepimpinan di kalangan wanita di Selangor dari 2013 sehingga kini? Senaraikan.
- b) Apakah kayu ukur/KPI yang digunakan sehingga seseorang itu diketogarikan sebagai pemimpin wanita?
- c) Berapa ramaikah pemimpin wanita telah dilahirkan dari program-program di atas?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam agenda pembangunan wanita di Selangor. Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga di bawah Program Pemberdayaan Wanita telah memperkenalkan Program Pembangunan Kapasiti (*Capacity Building*).

Program Pembangunan Kapasiti (*Capacity Building*) merupakan sebuah program kepimpinan bermula semenjak tahun 2015 dan masih dianjurkan sehingga kini. Antara program yang telah dilaksanakan adalah Kursus Kepimpinan Wanita yang dianjurkan melalui Pusat Wanita Berdaya (PWB) seluruh Selangor. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menganjurkan Kursus Pengucapan Awam, Pengurusan Organisasi dan Kursus Pemantapan Skill Komunikasi. Bermula tahun 2017 program ini telah dijenamakan semula sebagai Program Kepimpinan dan Pendemokrasian serta dilaksanakan oleh PWB diperingkat Dewan Negeri (DUN) seluruh Selangor.

- b) Bagi mengenalpasti seseorang itu dikategorikan sebagai pemimpin wanita, Kerajaan Negeri berpandukan kepada borang penilaian prestasi Penyelia PWB sebagai kayu ukur/KPI yang digunakan tetapi akan diolah mengikut kesesuaian keadaan. Antara ciri-ciri yang akan dinilai ialah :
  - Berkeimpinan
  - Kemampuan bekerja secara berkumpulan



- Kemampuan membuat keputusan
- Kemampuan berucap di khalayak ramai
- Mempunyai keyakinan diri
- Bertanggungjawab terhadap tugas yang diambil
- Kematangan dalam pergaulan
- Berkomunikasi secara efektif
- Mudah bekerjasama

Selain itu juga penilai akan melihat kepada kemahiran dan kebolehan berfikiran matang, suka bergaul, ramah, adil, amanah, jujur, stabil emosi dan sabar sebagai ciri-ciri kepada seseorang untuk dikategorikan sebagai pemimpin wanita.

- c) Sehingga kini, Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga melalui Pusat Wanita Berdaya (PWB) masih dalam proses mengenalpasti sekurang-kurangnya lima (5) orang wanita yang berpotensi menjadi pemimpin wanita diperingkat masyarakat setempat melalui program yang telah dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : SMART SELANGOR COMMAND CENTRE (SSCC)**

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci peruntukan bagi mewujudkan SSCC.
- b) Berapakan kos pengurusan SSCC pada 2017?
- c) Nyatakan pencapaian SSCC pada 2017.

**JAWAPAN:**

- a) SSCC menawarkan pandangan bersepadu (*unified view*) untuk agensi-agensi kerajaan negeri bagi memantau perkhidmatan dan operasi mereka bagi memudahkan urusan membuat keputusan (*insightful decision making*). Ianya membolehkan pegawai-pegawai bandar memantau dan menguruskan perkhidmatan bandar dengan memberikan mereka gambaran ke dalam operasi harian melalui pengurusan berpusat dan data pintar (*intelligent data*). SSCC mempunyai keupayaan untuk bekerjasama secara real-time dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dan bersama-sama mempertingkatkan kecekapan operasi mereka. Ia juga menyediakan pengurusan respons dan penyelarasan koordinasi bencana yang berkesan dari pengurusan operasi sehingga kepada peristiwa kritikal untuk Unit Pengurusan Bencana (UPB). Antara pihak-pihak berkepentingan bagi projek-projek SSCC ialah Kerajaan Negeri Selangor, agensi-agensi dan jabatan-jabatan, Menteri Besar Incorporated (Pemerbadanan), pihak berkuasa tempatan dan Smart Selangor Delivery Unit ("SSDU"). Kelebihan SSCC adalah ianya membolehkan pegawai-pegawai yang berkenaan memantau dan menguruskan perkhidmatan kepada rakyat Selangor dengan memantau operasi di kawasan-kawasan di bawah pengawasan, setiap hari melalui pengurusan berpusat dan data pintar (*intelligent data*). Objektif utama SSCC adalah untuk menyediakan pengurusan respon yang wajar dan penyelarasan koordinasi bencana yang berkesan dari pengurusan operasi sehingga kepada *critical event management*. Selain itu, SSCC juga dapat menganalisa segala data-data yang diperolehi daripada sistem-sistem yang telah dibangunkan oleh SSDU seperti SITS, COOL dan i-RS. Bajet yang diperuntukkan di bawah SSCC dan diluluskan adalah sebanyak **RM 2 juta**. Peruntukan ini termasuk *feasibility study* yang

merangkumi peralatan-peralatan yang berhubung-kait di bawah satu *platform* seperti bilik kawalan (*control room*), CCTV, panel skrin dan perisian analisis, serta kos-kos pengurusan yang berkaitan.

- b) Selain dari kos *feasibility study*, yang berupa kos-kos project management, *capital expenditure*, kajian dan *lab* serta *engagement* bersama pihak-pihak berkepentingan dalam mendapatkan maklumat-maklumat dan maklumbalas, kos pengurusan dan operasi SSCC adalah seperti berikut:

| NO | BUTIRAN                                  | RM             |
|----|--|----------------|
| 1  | Rental                                   | 55,980         |
| 2  | Utilities and Communications             | 6,500          |
| 3  | Unit <i>Data Analytics</i>               | 80,000         |
|    | <b>Jumlah (terkini pada 31 Dec 2017)</b> | <b>142,480</b> |

- c) Pencapaian SSCC pada 2017 di antara nya adalah seperti berikut:

- i. Berupaya memaparkan maklumat-maklumat yang penting yang dihasilkan melalui pembangunan system seperti SITS, IRS, COOL and i-RS. Melalui paparan ini, pihak-pihak yang terlibat dapat membuat analisa dengan lebih lanjut.
- ii. Kolaborasi dengan Unit Pengurusan Bencana (UPB) Negeri - Kemudahan SSCC ini membantu pihak UPB memantau dan mengkoordinasi pengurusan bencana dengan lebih baik.
- iii. Pihak UPB juga telah menjemput agensi kerajaan yang lain seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Malaysia (APM), Bomba dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk berkolaborasi di dlm pemantauan dan koordinasi bencana di dalam Negeri Selangor. SSDU juga telah memperuntukan tempat di dalam SSCC kepada agensi-agensi yang berkenaan.
- iv. SSCC telah menerima lawatan daripada pihak-pihak berkepentingan seperti Pihak Berkuasa Tempata (PBT), ahli EXCO Negeri, Pihak Kerajaan Negeri, Pihak akademi (UKM, Unisel dan UPM).

- v. Menerima lawatan dari Taiwan Legislative Research Bureau, Amazon Web Service, Sunway Group dan SP Setia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PAGAR ARUS ELEKTRIK**

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar kerajaan Selangor dan undang-undang yang sedia ada untuk PBT terhadap pemasangan pagar keselamatan yang menggunakan arus elektrik untuk menghindari penceroboh sama ada oleh pemilik rumah individu atau pemaju perumahan?

**JAWAPAN:**

- a) Tiada dasar khusus yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri berkaitan pemasangan pagar keselamatan yang menggunakan arus elektrik pada rumah-rumah kediaman individu mahupun perumahan. Ini adalah kerana pembinaan pagar elektrik ini bersifat sementara dan sebagai aksesori tambahan pada struktur kekal sedia ada seperti mana peralatan keselamatan lain. Contohnya Sistem CCTV, Sistem Penggera Keselamatan dan lain-lain lagi.

Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat yang menawarkan perkhidmatan pagar elektrik ini perlu mematuhi:

- i) *International IEC Standard 60335-2-76;*
- ii) *Malaysia Standard MS IEC60335-2-76:2007;* dan
- iii) mendapat kelulusan daripada *Suruhanjaya Tenaga (Energy Commission)* bagi memastikan had ketinggian wayar elektrik tidak kurang dari had minima (1.5M) dan aliran arus elektrik tidak melebihi daripada had yang dibenarkan iaitu tidak melebihi 250V. Tujuannya adalah bagi mengelakkan daripada berlakunya kemalangan jika tersentuh oleh kanak-kanak atau binatang peliharaan. Selain itu syarikat pembekal juga perlu meletakkan papan tanda amaran pada sekeliling pagar elektrik supaya ia dapat dilihat dengan jelas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : JUMLAH KAD KISS YANG TELAH DIKELUARKAN DAN DIAKTIFKAN**

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kad KISS yang telah dikeluarkan kepada DUN-DUN dan berapakah yang telah diaktifkan?

**JAWAPAN:**

Soalan ini telah dijawab bersekali dengan soalan no. 102 dari Ahli Yang Berhormat Selat Klang bertajuk Keadaan Ekonomi Semakin Teruk: KAD KISS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : KEMELUT STADIUM SHAH ALAM**

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah punca kemelut di antara kerajaan dengan Persatuan Bolasepak Selangor terhadap penggunaan Stadium Shah Alam dan adakah tindakan yang diambil ini merugikan sukan bolasepak di Negeri ini?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor di bawah kepimpinan Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Ali sentiasa memberikan penumpuan utama di dalam pembangunan bola sepak.

Namun, usaha untuk terus membawa perubahan dan kemajuan itu kemudiannya ditentang oleh segelintir pimpinan FAS. Ini berlaku pada tahun 2016, di mana tindakan biadap segelintir Ahli-Ahli Majlis Pimpinan Eksekutif (FAS) bertindak keluar daripada mesyuarat yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Ali ketika itu.

Walaupun atas segala tindakan yang dilakukan itu, Kerajaan Negeri masih memberi peluang kepada FAS untuk menggunakan Stadium Selayang sebagai *home ground* Pasukan Liga Super Selangor dan Stadium Sepang bagi Pasukan Belia Selangor.

Kerajaan Negeri Bertegas bahawa kami tidak mempunyai sebarang masalah dengan barisan kejurulatihan, pemain-pemain Selangor apatah lagi penyokong-penyokong setia pasukan The Red Giants. Malah kami sentiasa bersedia untuk berunding dengan FAS namun pengabaian yang dilakukan oleh FAS dan tidak mahu mengaku kebiadaban serta kesalahan mereka itu, maka terpaksa mengambil keputusan yang tegas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : HOSPITAL AWAM UNTUK PETALING JAYA**

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapa Kerajaan Negeri bersetuju untuk menghapuskan keperluan pembinaan hospital kerajaan atas tanah Kontena Nasional di Petaling Jaya?
- b) Adakah cadangan pindaan kenyataan bertulis RTPJ2 ini melalui proses publisiti dimana orang ramai boleh mengemukakan bantahan?
- c) Jika ya, bila?

**JAWAPAN:**

- a) Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor pada 15 Disember 2015 telah membuat keputusan bahawa tapak hospital awam akan disediakan di dalam kawasan cadangan pembangunan bercampur tanah RRI PJU 4 oleh Kwasa Land Sdn. Bhd bagi menggantikan pembinaan hospital awam di atas tanah Kontena Nasional (tanah persendirian).
- b) Majlis telah menerima permohonan daripada Kontena Nasional Berhad untuk menukar zon guna tanah kemudahan awam "Hospital Kerajaan" kepada "Perniagaan dan Perkhidmatan" bagi tapak Kontena Nasional Berhad di Lot PT 577 dan Sebahagian Lot PT No. 578, JalanKlang Lama, Petaling Jaya semasa Program Publisiti dan Penyertaan Awam dibawah peruntukan Seksyen 13, Akta 172 yang diadakan pada 7hb Ogos 2014 sehingga 22hb September 2014. Permohonan yang diterima telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan Dan Pendengaran (JKSTP) dan seterusnya dibentangkan di Mesyuarat Penuh Majlis pada 28hb Oktober 2015 dan Mesyuarat Penuh Majlis telah membuat keputusan mengekalkan tapak milik syarikat Kontena Nasional Berhad sebagai 'Hospital Awam'. Syor JKSTP dan persetujuan Mesyuarat Majlis Penuh terhadap maklumbalas yang terima daripada orang awam bagi Cadangan Draf Pengubahan 1 Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (RTPJ 2) telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri pada 15hb Disember 2015. Mesyuarat tersebut telah bersetuju menukar zon guna tanah kemudahan awam "Hospital Awam" kepada "Perniagaan dan Perkhidmatan" bagi tapak



Kontena Nasional Berhad ( tapak persendirian ) di Lot PT 577 danSebahagian Lot PT No. 578, JalanKlang Lama, Petaling Jaya dan tapak hospital awam dimasukkan ke dalam cadangan pembangunan bercampur tanah RRI PJU 4 oleh Tetuan Kwasa Land Sdn Bhd.

- c) Program Publisiti dan PenyertaanAwamdibawahperuntukanSeksyen 13, Akta 172 diadakanpada 7hb Ogos 2014 sehingga 22hb September 2014

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK : MASALAH ANJING LIAR DI KAWASAN KEDIAMAN SERTA BANYAK  
ADUAN TIDAK DAPAT DISELESAIKAN OLEH MPK. MERUJUK  
JAWAPAN BALAS DALAM SIDANG KE 13 PENGGAL 5. JUMLAH  
TANGKAPAN TERTINGGI DARIPADA MPK**

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ada rujukan kajian, faktor pembiakan aktif serta langkah pengawalan pembiakan bagi anjing liar?
- b) Apakah telah ada perlantikan kontraktor membantu penangkapan ini di MPK?
- c) Berapakah keseluruhan kos pengurusan penangkapan dan penjagaan dalam kurungan?

**JAWAPAN:**

- a) Majlis Perbandaran Klang belum ada rujukan kajian faktor pembiakan aktif serta langkah pengawalan pembiakan bagi anjing liar.
- b) Majlis Perbandaran Klang tidak melantik kontraktor untuk membantu penangkapan anjing buat masa ini.
- c) Kos keseluruhan pengurusan penangkapan dan penjagaan dalam kurungan adalah lebih kurang RM 445,000.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : KOMPLEKS WARGAEMAS SHAH ALAM (KWS) DI SEKSYEN 24 SHAH  
ALAM**

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan sejarah penubuhan KWS ini, termasuk isu pemilikan tanah dan aset KWS.
- b) Siapakah yang bertanggungjawab keatas KWS ini?
- c) Apakah aktiviti yang telah dilakukan dan siapakah pengendalinya? Sila nyatakan untuk tahun 2010-2018.

**JAWAPAN:**

- a) Idea penubuhan Kelab Warga Emas (KWE) diilhamkan oleh Dato` Haji Salamon bin Selamat, Mantan Datuk Bandar Shah Alam dalam tahun 2002 dan merupakan sebahagian daripada Program Mampan Shah Alam yang diluluskan oleh MBSA.

Ditubuhkan semasa Kompleks Kelab Warga Emas sedang dibangunkan iaitu pada tahun 2003. Pada ketika itu, Kelab Warga Emas mula beroperasi dengan menyewa antara di Seksyen 6, Shah Alam. Kelab Warga Emas menumpang di Pejabat MPP Zon 3 di Seksyen 9, Shah Alam selama setahun semasa Kompleks Kelab Warga Emas dibangunkan.

Kelab ini berdaftar dengan Jabatan Pendaftar Pertubuhan Selangor pada 9 Ogos 2003 dengan Jawatankuasa Penaja seramai 15 orang. YAB Menteri Besar Selangor merupakan Penaung Kelab sementara Datuk Bandar sebagai Penasihat Kelab. Upacara pecah tanah telah dilancarkan oleh YAB Menteri Besar Selangor di tapak seluas 10 ekar di Seksyen 24 Shah Alam pada bulan April 2003. Upacara Perasmian Kompleks Warga Emas telah dirasmikan oleh DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan pada 30 April 2005.

Projek pembinaan Kompleks Warga Emas telah dibina di atas tanah seluas lebih kurang 16.18 hektar (40 ekar) di Lot 2823 No.2 Jalan Pudina 24/39A, Seksyen 24

Shah Alam. Tanah tersebut telah diberi milik kepada Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES) bertarikh 28 Julai 2000.

Namun, berdasarkan kelulusan MTES Bil. 7/2003 bertarikh 19 Mei 2003, EXCO MTES telah menimbang dan bersetuju meluluskan cadangan pembangunan Kompleks Warga Emas dan tapak tersebut akan diwartakan untuk tujuan yang dinyatakan di bawah kawalan Datuk Bandar Shah Alam.

MTES juga telah menimbang dan bersetuju dengan keputusan yang telah dibuat supaya tapak berkenaan diserahkan kepada MBSA bagi tujuan pembangunan rekreasi dan pembangunan berdasarkan MTES bil 15/2003 yang telah bersidang pada 16 September 2003. Berdasarkan keputusan tersebut satu surat telah dikeluarkan oleh Unit Perancangan Dan Pembangunan Negeri bertarikh 8 November 2003 bagi menarik balik status tapak di lot 2823 yang telah diluluskan kepada PNSB.

Pemilikan ini selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk melahirkan Kerajaan prihatin. MBSA melalui Jawatankuasa Pembangunan Insan telah merangka penubuhan Kompleks Bersepadu untuk menempatkan warga emas, ibu tunggal, dan anak yatim di atas tapak ini.

Pembahagian keluasan tapak bagi tujuan tersebut adalah seperti berikut:

| <b>BIL</b> | <b>KEGUNAAN TAPAK</b> |
|------------|-----------------------|
| 1.         | Kompleks Warga Emas   |
| 2.         | Kompleks Ibu Tunggal  |
| 3.         | Kompleks Anak Yatim   |
| 4.         | Dewan Nur             |

Lanjutan daripada kejadian kebakaran yang melibatkan tapak Kompleks Muhibbah seluas 3 ekar yang terletak di tapak milik PKNS di Persiaran Sultan, Seksyen 24, Shah Alam beberapa siri perbincangan telah diadakan dengan Kerajaan Negeri dan Majlis bagi menyelesaikan isu penempatan peniaga tersebut dan keputusan terakhir Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor Ke 29/2016 yang diadakan pada 1hb September 2016 yang telah disahkan oleh Majlis MMKN ke 30/2016 pada 7hb September 2016 memutuskan tapak kompleks Muhibbah ini digantikan ke dalam kawasan pembangunan Kompleks Anak Yatim yang telah dicadangkan dan keluasan tapak untuk kompleks tersebut diselaraskan semula seperti berikut:

Tapak asal Kompleks Muhibbah seluas 3 ekar di pindahkan ke dalam kawasan pembangunan ini dan dibesarkan kepada 6.36 ekar serta keluasan Kompleks Ibu Tunggal digantikan ke tapak Kompleks Muhibbah tersebut dengan keluasan 2.6 ekar.

- Penyelarasan semula tapak yang terlibat di atas tanah seluas 40 ekar adalah seperti berikut:

| BIL | KEGUNAAN TAPAK            | KELUASAN (EKAR)   |
|-----|---------------------------|-------------------|
| 1.  | Kompleks Warga Emas       | 17.11 ekar        |
| 2.  | Kompleks Ibu Tunggal      | 2.6 ekar          |
| 3.  | Kompleks Anak Yatim       | 9.44 ekar         |
| 4.  | Kompleks Pasar Muhibbah   | 6.36 ekar         |
| 5.  | Tapak Masjid              | 3.62 ekar         |
| 6.  | Jalan                     | 0.87 ekar         |
|     | <b>Jumlah Keseluruhan</b> | <b>40.00 ekar</b> |

- Pegawai Pengawal dan Pegawai Penyelenggara bagi tapak tersebut adalah seperti berikut:

| BIL | KEGUNAAN TAPAK          | PEGAWAI PENGAWAL                       | PEGAWAI PENYELENGGARA  |
|-----|-------------------------|--|--|
| 1.  | Kompleks Warga Emas     | YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor | Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)<br>Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)<br>Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) |
| 2.  | Kompleks Ibu Tunggal    |  |  |
| 3.  | Kompleks Anak Yatim     |  |  |
| 4.  | Kompleks Pasar Muhibbah |  |  |
| 5.  | Tapak Masjid            |  |  |

- b) Berdasarkan memorandum persefahaman yang telah ditandatangani pada 1 Mac 2016, Kompleks Warga Emas dikendalikan dan diuruskan oleh Jawatankuasa Kelab Warga Emas selama 5 tahun bermula 1 Mac 2006 hingga 28 Februari 2011 selaku Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk memastikan dan menguruskan perjalanan serta operasi sebagaimana yang telah digariskan oleh pihak MBSA sewaktu penubuhan kelab tersebut dengan bantuan geran oleh MBSA.

Pembentangan laporan semakan audit oleh Bahagian Audit Dalam dan Pengaduan Awam MBSA terhadap Pengurusan Kelab Warga Emas pada Mesyuarat Pengurusan bertarih 15 Jun 2011 bilangan 15/2011 mendapati

penyata kewangan kelab tahun 2010, kelab mempunyai keupayaan untuk membiayai perbelanjaan seperti penyelenggaraan bangunan, pungutan sampah, dan perkhidmatan kawalan keselamatan tanpa mendapat geran daripada MBSA. Kini pengurusan Kelab Warga Emas beroperasi sepenuhnya oleh Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh YAD Dato' Haji Emran bin Haji Kadir, selaku Yang Di Pertua Kelab Warga Emas Shah Alam.

- c) Semua program diuruskan sendiri oleh pengurusan Kelab Warga Emas yang dipengerusikan oleh YAD Dato' Haji Emran bin Haji Kadir, selaku Yang Di Pertua Kelab Warga Emas Shah Alam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : PROJEK LALUAN REL PANTAI TIMUR (ECRL)**

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sebab dan faktor menyebabkan Kerajaan Negeri belum lagi memberikan kelulusan permohonan tanah bagi pembangunan ECRL bagi jajaran Pelabuhan Klang ke Gombak sejauh 60 kilometer?

**JAWAPAN:**

- a) Di peringkat Kerajaan Negeri Selangor, tiada sebarang kelulusan dimuktamadkan bagi pembangunan projek laluan rel pantai timur (East Coast Rail Link-ECRL) bagi jajaran ECRL Fasa 1 iaitu dari Kota Bharu ke ITT Gombak mahupun Fasa 2 iaitu dari ITT Gombak ke Pelabuhan Klang sejauh 60 kilometer. Ini selaras dengan ketetapan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor bahawa projek-projek pembangunan infrastruktur seperti lebuh raya, LRT, MRT, Rel Berkelajuan Tinggi (HSR), Talian Voltan Tinggi, Janakuasa dan lain-lain projek berskala besar serta melibatkan implikasi kepada alam sekitar serta penduduk perlu melalui proses rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Perancang Negeri.

Selain daripada itu, pelaksanaan projek ECRL perlu mematuhi syarat-syarat dan keperluan yang ditetapkan dengan mengambikira beberapa perkara di antaranya:

- i. Kerajaan Negeri meminta supaya jajaran laluan ECRL dibina sejajar dengan Lebuh raya Karak sediaada secara *elevated* di bahagian yang terlibat dengan Permatang Kuartza;
- ii. Perlu membuat penyelesaian berhubung penempatan orang asli di Gombak;
- iii. Kawasan hutan simpan dan kawasan rezab melayu terutamanya berhampiran ITT perlu diberi perhatian dengan menyediakan pelan/langkah tindakan seperti *land swapping*;

- iv. Menangani dan menyelesaikan isu-isu berkaitan aduan penduduk kampung yang terlibat dari masa ke semasa; dan
  
- v. Pihak MRL perlu mendapatkan kelulusan dasar daripada Kerajaan Negeri Selangor dan seterusnya mengemukakan permohonan rundingan projek kerajaan dibawah seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172).



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : LAMPU JALAN LED**

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Jelaskan jenis lampu LED yang di gunakan oleh PBT dan piawaian yang di gunakan.
- b) Mengapa masih ada penggunaan lampu jenis LED yang memakan arus eletrik 150W yang tidak ada sebarang penjimatan?

**JAWAPAN:**

- a) Berikut adalah jenis lampu LED serta piawaian yang digunakan oleh PBT :

| <b>BIL</b> | <b>PBT</b> | <b>JENIS LAMPU LED</b>   | <b>PIAWAIAN</b>  |
|------------|------------|--|--|
| 1.         | MBSA       | Light-Emitting Diode (LED)   | SIRIM Berhad dan JKR Electric Material Approved List (Emal). |
| 2.         | MBPJ       | Nikkon<br>Kv Lite<br>Philips<br>Ge<br>Ole Luminaires<br>Era<br>Extra Built (M) Sdn Bhd | SIRIM & JKR (Emal)   |

| BIL | PBT  | JENIS LAMPU LED   | PIAWAIAN  |
|-----|------|---|---|
| 3.  | MPK  | Light-Emitting Diode (LED)  | SIRIM & JKR (Emal)  |
| 4.  | MPAJ | Sag Advan (LED)<br>Ole Nikkon<br>Ets Philips<br>Ge  | } SIRIM & JKR<br>(Emal)   |
| 5.  | MPSJ | Light-Emitting Diode (LED)  | - SIRIM & JKR (Emal)<br>- piawai <i>design criteria</i> dan <i>lighting class</i> perlu mematuhi MS 825. ( <i>Code Of Practice For The Design Of Road Lighting</i> ). |
| 6.  | MPS  | Light-Emitting Diode (LED)  | SIRIM & JKR (Emal)  |
| 7.  | MPKJ | Light-Emitting Diode (LED)  | SIRIM & JKR (Emal)  |
| 8.  | MPSP | Light-Emitting Diode (LED)  | SIRIM & JKR (Emal)  |
| 9.  | MDKL | Nikkon<br>Philips<br>Osram<br>Onirri<br>(untuk perumahan – 75w-120w)<br>(untuk industri – 120w-160w)<br>(untuk kedai/pejabat – 120w-160w) | } SIRIM & JKR<br>(Emal)   |
| 10. | MDHS | Light-Emitting Diode (LED) berkuasa 90W – 100W.   | SIRIM & JKR (Emal)  |

|     |      |                            |                    |
|-----|------|----------------------------|--------------------|
| 11. | MDKS | Light-Emitting Diode (LED) | SIRIM & JKR (Emal) |
| 12. | MDSB | Kingsun                    | SIRIM & JKR (Emal) |

Nota : Sumber data daripada PBT

- b) Arus lampu LED berbeza mengikut jenama/jenis/komponen yang digunakan dan isu tiada penjimatan tenaga elektrik sepatutnya tidak berlaku melainkan terdapat kesilapan penentuan watt Lampu LED untuk sesuatu rekabentuk jalan dan tidak mematuhi MS 825. Penggunaan lampu jenis LED 150 watt – 200 watt kebiasaanya digunakan untuk jalan-jalan utama / persimpangan/ kawasan industri yang sebelum ini menggunakan 250 watt – 400 watt lampu jenis HPSV. **Kesemuanya mengambil 40% penjimatan** dari penggunaan watt lampu jalan sodium sedia ada.

Perkembangan teknologi lampu LED yang efisien serta menjimatkan semakin mendapat perhatian yang menggalakkan kerana dapat menghasilkan cahaya yang tinggi dengan arus elektrik yang rendah dan harga yang murah di pasaran.